

MRT Corp anugerah kontrak RM4.19 bilion

NUR HANANI AZMAN | 13 Mei 2016 12:49 AM

KUALA LUMPUR 12 Mei - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp), menganugerahkan sebanyak empat kontrak pakej kerja bagi pembinaan Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) bernilai RM4.19 bilion.



Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corporation Sdn Bhd, Datuk Sri Shahril Mokhtar. Lawatan taUtusan Onlinepak pembinaan Tun Razak Exchange MRT Station, di sini, hari ini. Gambar : Aizzul A.Majid / Pem : Adlinahani (AM)

Kontrak itu termasuk dua pakej viaduct dan dua pakej sistem kerja hasil mesyuarat Jawatankuasa Pemerolehan Sehenti (OSPC).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata, penganugerahan kontrak berkenaan membolehkan kerja pembangunan Laluan SSP berjalan lancar.

Katanya, sebelum ini banyak kerja sivil telah dianugerahkan dan kini berada di peringkat menganugerahkan pakej sistem kerja menandakan perkembangan yang baik bagi laluan berkenaan.

“Pakej sistem kerja SY203 bernilai RM1.62 bilion meliputi kejuruteraan, pemerolehan, pembinaan, pengujian dan pentauliahan kereta api elektrik dan peralatan depot dianugerahkan kepada Konsortium HAP.

“Konsortium itu meliputi Hyundai Rotem Company of Korea, Apex Communications Sdn. Bhd., dan POSCO Engineering Co. Ltd.,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Pakej sistem kerja kedua adalah pakej SY201 sebanyak RM458.02 juta diberikan kepada konsortium merangkumi Bombardier (Malaysia) Sdn. Bhd., dan Global Rail Sdn. Bhd.

Bombardier (Malaysia) sebelum ini merupakan kontraktor pakej kerja untuk sistem kawalan isyarat dan kereta api bagi Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK).

Selain itu, katanya, pakej kerja V203 bagi pembinaan dan penyiapanan jejambat bernilai RM1.47 bilion telah dianugerahkan kepada IJM Construction Sdn. Bhd.

Malaysian Resources Corporation Bhd. (MRCB) pula memperoleh kontrak pakej kerja V210 sebanyak RM648 juta untuk pembinaan dan penyiapan jejambat dan kerja lain berkaitan dari Persiaran APEC di Cyberjaya ke Putrajaya Sentral.